

Muhammad Uthman El-Muhammady: Analisis Biografi dalam Konteks Teori Pemikiran-Sosial

Mohd. Ammyrul Ashraf Sairan¹, Iskandar Adon², Ahmad Zamil Abd. Khalid³

^{1,2,3}Unit Pengajian Islam dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
Address: 06010 Sintok Kedah Darul Aman, Malaysia +604928 5707/+604928 5709

Corresponding author

¹ammyashraf@gmail.com; ²iskan975@uum.edu.my; ³zamil_sriver@yahoo.com

Abstrak: Muhammad Uthman el-Muhammady adalah seorang tokoh pemikir dan pendakwah Islam yang disegani di Malaysia. Latar sejarah dan keperibadian beliau dipenuhi dengan pelbagai pengalaman kehidupan yang berasaskan dunia akademik. Pemikiran beliau banyak dipengaruhi oleh ajaran ahli Sunnah wal-Jamaah. El-Muhammady lantang memperjuangkan dan menentang sebarang aliran pemikiran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah, sehingga ada yang menganggap beliau sebagai individu yang ekstrem dalam perjuangannya. Keperibadiannya mencuri perhatian dalam dunia pemikiran Islam di Malaysia melalui penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris, baik dalam penulisan mahupun ketika berhujah. Penyelidikan ini akan berlandaskan Teori Ekologi, Teori Persekitaran Sosial dan Teori Sosial. Biografi Muhammad Uthman El-Muhammady akan dianalisis menggunakan teori-teori pemikiran ini untuk memahami pembentukan sahsiah dan personaliti beliau dari peringkat awal hingga akhir perjuangannya. Hasil penyelidikan menunjukkan bagaimana latar sejarah Muhammad Uthman El-Muhammady yang diasuh oleh arwah ayahandanya dengan penekanan terhadap ilmu, memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadiannya sebagai tokoh yang disanjung oleh masyarakat kerana ketinggian ilmunya. Corak pemikiran dan kehidupan el-Muhammady wajar dijadikan rujukan oleh masyarakat dalam usaha membentuk dan melahirkan personaliti yang unggul.

Keywords: el-Muhammady, Teori Ekologi, Teori Persekitaran Sosial, Teori Sosial, Biografi

Pengenalan

Setiap tokoh memiliki latar sejarah kehidupan yang tersendiri dalam membentuk keperibadian mereka. Berdasarkan kepada penelitian yang dibuat oleh Rohayati (2020), kajian berkaitan personaliti akan melibatkan proses, perkembangan, dan struktur. Proses berkaitan dengan terbentuknya personaliti, Perkembangan merujuk kepada punca disebalik tingkah laku seseorang manakala stuktur merujuk kepada personaliti yang dimiliki oleh individu tersebut. Kajian ini akan menumpukan kepada perkembangan latar sejarah keperibadian Muhammad Uthman el-Muhammady dengan merujuk kepada teori-teori seperti Teori Ekologi Brofenbrenner, Teori Persekitaran dan Teori Sosialisasi. Teori-teori ini akan menjelaskan bahawa lingkungan terdekat yang dihadapi oleh individu seperti keluarga, pendidikan, pekerjaan dan rakan-rakan turut mempengaruhi personaliti individu. Keperibadian ketokohan El-Muhammady juga turut dipengaruhi oleh faktor-faktor ini.

Dalam dunia pemikiran Islam di Malaysia, Muhammad Uthman el-Muhammady sangat terkenal

dengan keilmuannya, namun beliau seorang yang sangat merendah diri. Beliau seorang yang bertubuh kecil dan penampilannya sentiasa bersederhana dengan pemakaian jubah dan serban putih. Keperibadiannya sering menarik tumpuan ramai, terutamanya ketika beliau menyampaikan pembentangan dalam Bahasa Inggeris. Ramai masyarakat terpegun dan tidak menyangka individu yang sering digambarkan sebagai 'lebai kampung' memiliki kefasihan Bahasa Inggeris dalam berhujah. Daya penarik ini sering menjadikan El-Muhammady sebagai insan yang dihormati walaupun dengan penampilan yang bersederhana. Menurut anakandanya, Asma El-Muhammady (2020), ayahnya begitu selesa dengan gelaran 'lebai kampung'.


Personaliti Muhammad Uthman el-Muhammady yang serba sederhana terbentuk menerusi pengaruh persekitarannya. Faktor yang mempengaruhi termasuklah hubungan dengan ahli keluarga seperti ibu bapa, adik-beradik, rakan seperjuangan semenjak dari kecil sehingga dewasa. Selain itu, faktor pengalaman pendidikan beliau diperingkat sekolah dan universiti serta pekerjaan yang el-Muhammady ceburi samada secara formal atau tidak formal turut menyumbang kepada pembentukan personalitinya. Oleh yang demikian, kajian mengenai

latar sejarah keperibadian Muhammad Uthman El-Muhammady akan di analisis berdasarkan kaedah teori ekologi, teori persekitaran dan teori sosialisasi.

Kajian Literatur

Teori Ekologi

Menurut Bronfenbrenner (Sadownik, 2023), teori ekologi merupakan sebuah teori perkembangan manusia. Teori ini menjelaskan akan perkembangan individu yang dipengaruhi oleh persekitarannya. Dalam Teori Ekologi merangkumi lima tahap penting iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem, dan kronosistem. Bagi menganalisis latar sejarah el-Muhammady khususnya dalam konteks keperibadiannya maka tahap mikrosistem adalah sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Teori Ekologi Bronfenbrenner dapat digambarkan seperti rajah di bawah:




Rajah 1: Model Teori Ekologi

Pada tahap pertama teori ekologi iaitu mikrosistem, akan melibatkan aktiviti yang sering berlaku setiap hari di persekitaran manusia yang secara tidak langsung dapat membina sikap dan perkembangan peribadi individu (Sadownik, 2023). Oleh yang demikian, sebagai seorang tokoh yang disegani terutama dalam dunia pemikiran Islam, el-Muhammady banyak menghasilkan penulisan prolifik atas karya-karyanya yang pelbagai bidang (Daeng Sanusi, 1988) dan menerima pengiktirafan daripada pelbagai pihak atas sumbangannya, terutama dalam dunia pemikiran dan penulisan (Ismail Mina, 2019). Beliau turut dikenali sebagai individu yang keras dalam perjuangannya dan seorang pendakwah yang sering mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah (Asma, 2020). Justeru pengiktirafan dan penghargaan yang diterima oleh el-Muhammady menunjukkan bahawa beliau memiliki latar sejarah yang menarik untuk dirungkai dan dikaji dengan menggunakan teori ekologi ini.

Teori Persekitaran Sosial

Teori Persekitaran sosial dikembangkan oleh Bubolz dan Sontag (1979). Mereka berpandangan bahawa struktur yang mengelilingi manusia seperti aspek biologikal, sosial, fizikal, ekonomi, politik dan estetik merupakan teori persekitaran. Persekitaran dalam teori ini digambarkan sebagai konteks tingkahlaku dan perkembangan manusia. Persekitaran dapat diklarifikasikan menurut sumber yang ada di dalamnya, ini termasuklah persekitaran semulajadi atau bio-fizikal, persekitaran sosio-budaya dan persekitaran teknologi-binaan manusia (Bubolz dan Sontag, 1979). Persekitaran semulajadi terdiri daripada sumber asli seperti tumbuhan, tanah, air, mineral, fosil dan sebagainya. Persekitaran sosio-budaya merujuk kepada institusi sosial seperti politik, ekonomi, agama dan lain-lain. Manakala persekitaran teknologi-binaan pula fokus kepada jambatan, sistem hidroelektrik, rumah serta sistem jalanraya. Oleh itu, klasifikasi ini adalah berdasarkan kepada saiz persekitaran seperti makro dan mikro. Mikro melihat kepada saiz persekitaran yang kecil, manakala makro merujuk kepada saiz persekitaran yang besar (Bubolz dan Sontag, 1979). Secara grafik, teori persekitaran sosial yang disarankan oleh Bubolz dan Sontag boleh digambarkan seperti di bawah:




Rajah 2: Model Teori Persekitaran Sosial

Hal ini bertepatan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dengan menyifatkan bahawa faktor persekitaran seperti udara, sungai laut dan suasana di sekeliling manusia merupakan penyumbang dalam mempengaruhi pemikiran dan keperibadian individu (Ali & Aziz, 2018). Dalam melihat perkembangan latar sejarah dan pemikiran el-Muhammady, pengaruh keluarga tidak kurang pentingnya. Hal ini berikutan keluarga adalah kelompok terawal yang mendampingi dan membentuk keperibadian dan pemikiran el-Muhammady. Dengan ini, keluargalah menjadi tempat bergantung beliau serta harapan terhadap teras kehidupan sosial seperti kepercayaan, nilai serta arah tuju berkeluarga. Bahkan,

tindak balas daripada keluarga dan persekitaran menjadi elemen utama dalam mempengaruhi keperibadian dan pemikiran kanak-kanak (Gross, 2021). Oleh itu, hal ini bertepatan dengan kata-kata dari Ibn Khaldun (Mhd Rasid, Yuli Harti & Yanti, 2021) bahawa "...tindakan ahli keluarga dan persekitaran yang diwujudkan oleh keluarga dipercayai memberikan pengaruh kuat terhadap kanak-kanak". Justeru pemilihan teori persekitaran dalam melihat peranan keluarga dalam mempengaruhi keperibadian el-Muhammady adalah sangat bertepatan.

Teori Sosialisasi

Faktor-faktor sosial boleh mempengaruhi pembelajaran serta proses pembentukan keperibadian dan pemikiran individu menerusi pelbagai corak pembelajaran sosial seperti maklum balas, permodelan, dorongan dan halangan (Raihan & Kamarul, 2020). Faktor sosial yang di maksudkan termasuklah elemen kemanusiaan seperti pengaruh keluarga, guru, rakan sebaya dan masyarakat. Elemen bukan manusia seperti pengaruh media massa, pergaulan dan pendidikan turut mempengaruhi proses kehidupan individu (Raihan & Kamarul, 2020). Bagi Imam al-Ghazali, penekanan terhadap faktor sosial seperti pergaulan dengan orang soleh adalah sebahagian daripada kaedah dalam membentuk akhlak yang mulai dalam diri setiap individu (Raihan & Kamarul, 2020). Hal ini berikutan kerana manusia secara alami bersifat meniru yakni memperoleh sifat baik dan buruk daripada individu lain. Jika individu itu bergaul dengan individu yang baik untuk satu tempoh masa tertentu, dia akan memperoleh sesuatu yang baik dalam dirinya dan begitu juga sebaliknya (M. Umaruddin, 2013). Maka dapatlah di huraikan bahawa mengikut teori Imam al-Ghazali, yang terbentuk hasil daripada faktor-faktor di atas, maka dinyatakan dalam bentuk model seperti rajah di bawah;



Rajah 3: Model Teori Sosialisasi

Bukanlah menjadi perkara di luar kebiasaan seandainya keperibadian dan pemikiran el-Muhammady terhasil daripada faktor-faktor sosial seperti yang diterangkan diatas. Maka tidak hairanlah akibat daripada faktor sosial seperti pergaulan, pendidikan dan media massa bakal membentuk keperibadian dan pemikirannya. Hal ini seperti hujah Imam al-Ghazali (Umaruddin, 2013) yang menjelaskan pembentukan keperibadian dan pemikiran tidak terjadi dengan sendirinya. Namun hal ini berhubungan rapat dengan nilai sosial dalam diri individu.

Metodologi Kajian

Kajian berbentuk kualitatif akan diguna pakai dengan penggunaan pendekatan naratif (narrative approach) dan analisis kandungan (content analysis) dalam kajian ini. Pendekatan naratif dipilih bagi menganalisis latar belakang tokoh berdasarkan teori ekologi, teori persekitaran dan teori sosialisasi menerusi temubual bersama isteri dan anak-anak, serta rakan karib tokoh. Manakala analisis kandungan digunakan dalam memperoleh biodata dan latar sejarah tokoh, terutamanya menerusi karya-karya tentang el-Muhammady seperti bab dalam buku dari Zakaria Stapa, buku dari Ismail Mina yang bertajuk Muhammad Uthman el-Muhammady Intelegensia Muslim Kontemporari, Gagasan Ustaz Muhammad Uthman el-Muhammady Memartabatkan Syariat Islam dan lain-lain lagi.

Analisis Biografi Muhammad Uthman el-Muhammady

Latar sejarah kehidupan Muhammad Uthman el-Muhammady begitu unik, diperkayakan dengan sejarah sesuatu tradisi keilmuannya dibentuk. Latar belakang beliau yang melibatkan keluarga, rakan-rakan, pendidikan dan dunia pekerjaan akan dianalisis mengikut teori-teori yang diperbincangkan sebelum ini.

Latar Sejarah dan Kehidupan

Nama sebenar beliau adalah Muhammad Uthman bin Muhammad. Beliau dilahirkan di Kampung Telok Panji, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1943. Ayahandanya, Muhammad bin Musa berkahwin dengan Mek Wok binti Awang Long. Ayahnya, Muhammad lebih dikenali sebagai Pak Mat, bekerja sebagai seorang petani dan juga bomoh (Mohd Kamal, 2019). Pasangan ini dikurniakan empat orang anak, dua daripadanya lelaki dan selebihnya perempuan. El-Muhammady merupakan anak sulung daripada empat orang adik-beradik.

Pada tahun 1966, el-Muhammady telah berkahwin dengan Mariam binti. Husain, seorang suri rumah sepenuh masa yang berasal dari Kampung Bayam, Kota Bharu, Kelantan. Hasil daripada perkongsian hidup, pasangan ini dikurniakan dengan 14 cahaya mata, namun 2 daripadanya telah meninggal dunia. Sebahagian besar daripada anak-anak mereka yang masih hidup kebanyakannya sudah berumah tangga (Asma, 2020). Masyarakat sentiasa beranggapan bahawa tokoh ini sememangnya berasal daripada keturunan Arab memandangkan wujud perkataan 'el-Muhammady' dalam penggunaan namanya. Menurut Asma (2020) istilah nama 'el-Muhammady' ini digunakan bagi tujuan nama keluarga semata.

Pertalian keluarga

Muhammad Uthman el-Muhammady dibesarkan dalam sebuah keluarga yang menitikberatkan pendidikan. Ayahandanya sering bersikap tegas dalam mendidik anak-anaknya sejak di usia muda. El-Muhammady tidak seperti kanak-kanak lain sebayanya, beliau tidak diberi kebebasan untuk bermain. Sebaliknya, el-Muhammady banyak menghabiskan masa dengan membaca, dan sering kali mengulang bacaan buku yang sama memandangkan memiliki bahan bacaan yang terhad di rumah. Ketegasan Pak Mat ini ternyata memberi impak yang positif dalam kehidupan el-Muhammady, akhirnya menjadi seorang insan yang disegani dalam dunia akademik.

Walaupun ayahandanya bekerja sebagai petani dan bomoh, Pak Mat sering membawa el-Muhammady menghadiri kuliah-kuliah agama yang dijalankan di kampungnya memandangkan pondok terbesar di Kelantan pada ketika itu berada di kampungnya. Pondok tersebut dimiliki Tuan Guru Haji Muhammad bin Idris atau lebih dikenali Tuan Guru Hj. Muhammad Bukhari. Memandangkan Pak Mat seorang ketua keluarga yang sangat mengutamakan pendidikan anak-anaknya, el-Muhammady telah dihantar oleh ayahnya untuk belajar membaca al-Quran dan kadangkala membawa beliau untuk pengajian kitab.

Berdasarkan tahap pertama di peringkat teori persekitaran, mencerminkan bahawa kitaran kehidupan Muhammad Uthman el-Muhammady yang berdekatan dengannya adalah ahli keluarganya yang berinteraksi sejak kecil serta didikan daripada Pak Mat yang sering mengutamakan komunikasi dua hala antara beliau dan ayahnya. Sistem didikan di rumah yang di alami el-Muhammady semenjak kecil telah membentuk realiti kehidupan harian memandangkan di peringkat ini beliau banyak menghabiskan masa

bersama keluarga.

Teori persekitaran dalam faktor keluarga merupakan perihai penting dalam mempengaruhi perkembangan keperibadian individu. Dalam teori ini, sumber bekalan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan kasih sayang merupakan lapisan pertama dan menjadi faktor penting. Muhammad Uthman el-Muhammady yang menjadikan rumah sebahagian daripada tempat berteduh dan sumber keperluan asas serta ilmu didikan di rumah daripada ayahandanya sendiri. Individu yang hadir dalam kehidupan el-Muhammady dalam membentuk keperibadiannya di peringkat awal adalah sangat penting kepada perkembangan dan pembentukan personaliti beliau ditahap seterusnya. Semenjak zaman kanak-kanak lagi, el-Muhammady telah meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada ahli keluarga dan individu di sekelilingnya iaitu Pak Mat, yakni ayahnya sendiri. Oleh yang demikian, ketokohan dan pembentukan keperibadian el-Muhammady tercipta dan terdidik akibat daripada persekitaran yang baik semenjak kecil.

Rakan seperjuangan

Ketika zaman persekolahan, universiti serta di alam pekerjaan, peranan penting yang turut menyumbang kepada membentuk keperibadian el-Muhammady ialah rakan seperjuangannya. Antara rakan-rakan beliau adalah Haji Ja'afar (pengusaha Minyak Mestika), Ibrahim Yaa'cob, Haji Ariffin (pesara guru) dan Mohd Kamal Hasan (Prof. Tan Sri Dr.). Seawal usia 16 tahun, el-Muhammady dan ditemani rakannya, Mohd Kamal Hassan dan Ibrahim Yaa'cob sudah sanggup untuk mengayuh basikal dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur atau Penang, semata-mata untuk mendapatkan bahan bacaan yang diminati terutama penulisan al-Ghazali dan Muhammad Iqbal (Asma, 2020).

Ketika berada di institusi pengajian tinggi, Universiti Malaya, el-Muhammady telah menceburkan diri dalam dunia pendakwaan dengan melibatkan diri menerusi pertubuhan al-Rahmaniah. Beliau pada ketika itu bersama-sama Miskin bin Fakir, Abdul Ahad dan yang lain menjadi pelopor dan pengasas kepada pertubuhan al-Rahmaniah yang berpangkalan di Masjid al-Rahman, Kuala Lumpur. Beliau berjaya mengerakkan pertubuhan ini sehingga menjadi sebuah pertubuhan yang dikenali pada ketika itu dengan bantuan rakan-rakannya yang lain iaitu, Mohd. Kamal Hasan, Mohd Nakhie Ahmad (Dato') dan Wan Muhammad Ali. Antara rakan lain yang turut menyumbang kepada pembentukan keperibadian el-Muhammady ialah Ismail Mina (aktivis Pertubuhan Muafakat) dan Zaidi Hasan (penulis bebas).

Teori ekologi sememangnya melihat kepada

hubungan dua hala individu dengan persekitaran yang membentuk tingkahlakunya (Sadownik, 2023). Hal ini selari dengan pandangan Rohayati (2021) yang menyatakan bahawa kelompok rakan-rakan yang mengambil berat serta perihatin boleh mempengaruhi emosi dan perkembangan mental individu. Kelompok rakan yang terdiri daripada individu yang saling mengambil berat dan juga memiliki minat yang sama, boleh mengukuhkan lagi perkembangan emosi dan mental el-Muhammady. Selain itu, kelompok ini juga membantu membentuk personaliti el-Muhammady agar meninati bidang keilmuan Islam dan kegiatan berdakwah. Pada ketika ini dapat dikenalpasti bahawa kebanyakan rakan-rakan karib el-Muhammady telah menjadi tokoh yang disegani dalam pelbagai bidang keilmuan dan dakwah seperti beliau.

Pendidikan

Pendidikan tidak formal el-Muhammady ialah pendidikan agama yang diperolehi di persekitaran kampung. Muhammad Uthman el-Muhammady mula mendapatkan pendidikan tidak formal dengan belajar cara membaca teks-teks kitab jawi karangan Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Ismail al-Fatani dan sebagainya. Selain itu, beliau turut belajar tentang tajwid, hukum hakam dan pembelajaran akhlak dengan guru al-Qurannya (Ismail Mina, 2017). Ketika zaman el-Muhammady memdapatkan pendidikan secara formal, beliau bersekolah rendah di Sekolah Rendah Rambutan Rendang (kini dikenali dengan Sekolah Kebangsaan Cempaka). Selepas berjaya menamatkan pendidikan di sekolah rendah, beliau yang meminati bidang pendidikan beraliran agama berkeinginan untuk menyambung pendidikannya di Maahad Muhammadi (sekolah aliran lelaki). Namun begitu, atas dorongan keluarganya, el-Muhammady dihantar untuk menyambung pendidikan di Ismail English School (kini dikenali dengan Maktab Sultan Ismail) (Ismail Mina, 2017).

Setelah itu, el-Muhammady memilih untuk menyambung pendidikan beliau di tingkatan enam di Kolej Sultan Abdul Hamid. Selepas mendapat keputusan yang cermelang, pada 1963 beliau memilih untuk melanjutkan pengajiannya dalam bidang yang diminati iaitu Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengkhususan Pengajian Islam di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya. Selepas bergraduasi dalam Ijazah Sarjana Muda (B.A), el-Muhammady menyambung lagi pengajiannya di peringkat Sarjana dalam bidang yang sama di universiti yang sama. Atas usaha dan sumbangnya dalam bidang pendakwaan dan penulisan, pada tahun 1995 Muhammad Uthman el-Muhammady

telah dikurniakan dengan Ijazah kehormat 'honoris causa' "Doctor of Letters" (D.Litt) daripada Universiti Sains Malaysia. Kemudian pada tahun 2005, el-Muhammady sekali lagi di anugerahkan Doktor Falsafah 'honoris causa' (P.hD) daripada Universiti Utara Malaysia dalam bidang Pengurusan Kerja Sosial.

Menerusi teori sosialisasi mendapati bahawa pendidikan bersifat formal dan tidak formal yang diperolehi el-Muhammady telah membentuk pemikiran dan keperibadian beliau. Sungguhpun di peringkat awal pendidikannya telah mendapat pendidikan beraliran Inggeris, namun demi minat yang mendalam kepada bidang keilmuan Islam, membuatkan el-Muhammady tidak berputus asa dan melanjutkan pengajiannya dalam bidang pengajian Islam di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. Hasilnya pendidikan Inggeris yang menjadi didikan di awal persekolahan telah menjadikan beliau insan yang hebat dalam berhujah dan merujuk sumber-sumber dalam bahasa Inggeris.

Alam pekerjaan

Ketika el-Muhammady sedang menyambung pengajiannya diperingkat Ijazah Sarjana, beliau telah dilantik oleh pihak Universiti Malaya (UM) sebagai Tutor sehingga pada tahun 1963 dilantik sebagai pensyarah di universiti yang sama. Bagi meneruskan usaha dakwah, el-Muhammady telah mengambil keputusan untuk berhijrah dan kembali ke Kelantan serta meletakan jawatannya sebagai tenaga pengajar di UM. Setelah hampir 10 tahun beliau berdakwah di Kelantan, beliau telah mengambil keputusan atas pujukan rakan-rakan untuk kembali bertugas dengan beberapa buah agensi dan institusi kerajaan seperti Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Berikut merupakan antara jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh el-Muhammady;

1. Ahli Majlis Pemegang Amanah Yayasan Karyawan
2. Ahli Panel Penasihat Nadwah Persuratan Islam Malaysia (NAFIS)
3. Editor pakar bagi menyemak terjemahan Inggeris Tafsir Pimpinan al-Rahman, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM)
4. Penyemah terjemahan Muqadimmah Ibn Khuldun, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
5. Ahli Lembaga Pengarah Institut Intergriti Malaysia
6. Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)
7. Fellow Kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
8. Felo Utama Akademik Institut Antarabangsa Pemikiran dan Ketamadunan Islam (ISTAC)
9. Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

10. Pakar Perunding Agama bagi Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) Terengganu dan Panel Penasihat bagi Jawatankuasa Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia

Daripada senarai yang dikemukakan, dapat melihat kepelbagaian jawatan yang disandang oleh el-Muhammady. Kepelbagaian ini memperlihatkan akan keupayaan beliau dalam kepelbagaian bidang. Oleh yang demikian masyarakat dan kerajaan mengiktiraf sumbangan pemikiran beliau dalam pelbagai konteks. Natiijah daripada keterlibatannya ini, el-Muhammady telah dianugerahkan dengan pelbagai bentuk pengiktirafan dan penghormatan atas sumbangan beliau dalam bidang keilmuan dan khidmat masyarakat. Antara penganugerahan yang diterimanya adalah;

1. Darjah kebesaran P.J.N yang membawa gelaran Datuk oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.
2. Tokoh Cendekiawan Islam Kelantan.
3. Anugerah Media Islam Negara.
4. Tokoh Ma'al Hijrah peringkat Kebangsaan.
5. Ijazah Kehormat Doktor Falsafah oleh Universiti Utara Malaysia.

Merujuk kepada teori Sosialisasi, dimensi dunia pekerjaan sangat mempengaruhi pemikiran dan keperibadian el-Muhammady. Hal ini kerana dalam dunia pekerjaannya, el-Muhammady banyak berinteraksi secara langsung dengan pelbagai individu mahupun institusi yang terlibat dalam bidang akademik atau agama. Kerjaya sebagai pensyarah, pendakwah dan penulis di institut dan universiti terkemuka memberi ruang untuk beliau berkongsi dan mengembangkan idea serta pandangannya, secara tidak langsung memberi pengaruh yang besar terhadap perkembangan ilmu dan peradaban Islam di Malaysia. Justeru dapatlah disimpulkan bahawa dunia pekerjaannya serta jawatan yang beliau sandang telah membentuk keperibadian el-Muhammady sebagai seorang tokoh yang dikagumi dalam dunia pemikiran Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang dibuat berdasarkan teori ekologi, teori persekitaran dan teori sosialisasi terhadap biografi Muhammad Uthman el-Muhammady, faktor-faktor seperti kekeluargaan, rakan sebaya, pendidikan dan dunia kerjayanya banyak memainkan peranan dalam membentuk keperibadian beliau. Faktor kekeluargaan seperti ibu bapa merupakan faktor terpenting dalam kehidupan seseorang individu terutamanya, el-Muhammady. Hal ini selaras seperti yang diterangkan dalam teori persekitaran yang berada dilapisan pertama yang

membentuk institusi keluarga.

Antara kesemua teori pemikiran-sosial yang dikemukakan, teori persekitaran banyak menyumbang kepada pembangunan keperibadian Muhammad Uthman el-Muhammady. Keluarga beliau banyak berperanan terutamanya Pak Mat atau Muhammad bin Musa, iaitu bapa el-Muhammady. Ketegasan bapanya dalam mendidik el-Muhammady sejak dari kecil telah membentuk keperibadiannya. Pendidikan formal dan tidak formal yang diterima oleh beliau juga menjadi faktor penyumbang dalam memupuk minat yang mendalam terhadap keilmuan agama.

Rujukan

- Ali Mat Zin, A., & Aziz, S. H. (2018). Muhammad Uthman El-Muhammady: Analysis on His Contribution to Writing. *Journal of Al-Tamaddun*, 13(2), 55–64.
- Asma el-Muhammady binti Muhammad Uthman el-Muhammady. (Pensyarah Kanan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam wawancara dengan penulis, 6 Oktober 2020.
- Bubolz, M. M., Eicher, J., & Sontag, M. S. (1979). The human ecosystem: A model. *Journal of Home Economics*, 71(1), 28-31.
- Daeng Sanusi Daeng Mariok. (1988). *Sejarah dan Perkembangan al-Rahmaniah*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gross, R. (2021). *Psychology: The science of mind and behaviour* (8th ed.). Hodder Education.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhru Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, vol. 17 No. 9.
- Mohd Kamal Hassan. (bekas Pensyarah Kanan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam wawancara dengan penulis, 1 April 2019.
- Ismail Mina bin Ahmad. (Pengerusi Gerakan Pembela Ummah (Ummah), dalam wawancara dengan penulis, 23 November 2017.
- Mcgregor, S.L.T. (2010). Home Economics as an Integrated, Holistic System: Revisiting Bubolz And Sontag's 1988 Human Ecology Approach. *International Journal of Consumer Studies*, 35(1):26-34.
- Mhd Rasid Hamdi, Yuli Harti & Yanti. (2021). Pemikiran Pendidikan Islam Ibnu Khaldun 1332M. *Jurnal KutubKhanah*, 20 (2): 121.
- M. Umaruddin. (2013). *The ethical philosophy of al-Ghazali*. Adam Publishers & Distributors.
- Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020). Pengintegrasian Teori Persekitaran Islam dan Barat dalam membentuk iklim dini. *Jurnal Refleksi*

Kepimpinan, Jilid III, 86 95

Rohayati Junaidi. (2020). Persekitaran Yang Membentuk
Modal Insan Dalam Novel Kanak Kanak.
MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
(PPIB) 31(1):97-119.

Sadownik, A.R. (2023). Bronfenbrenner: Ecology of
Human Development in Ecology of Collaboration.
(Re)theorizing More-than-parental Involvement in
Early Childhood Education and Care. Springer.